



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 6, June 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Kelestarian Pakatan Rakyat dalam Politik Malaysia: 2008 - 2015

Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki¹

¹UOW Malaysia KDU Penang University College, Malaysia

Correspondence: Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki (mohd.zamirul@kdupg.edu.my)

Abstrak

Pakatan Rakyat adalah parti gabungan pembangkang yang terbesar ditubuhkan pada 1 April 2008. Perbezaan ideologi politik dan persetujuan politik khususnya antara Parti Islam SeMalaysia (PAS) dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) tidak menghalang mereka untuk bekerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi membentuk satu gabungan politik. Walaupun menyedari akan perbezaan yang wujud antara mereka khususnya antara PAS dan DAP, mereka masih boleh terus bekerjasama hingga Pakatan Rakyat tersebut mencapai kejayaan terbesar dalam sejarah parti pembangkang di Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) tahun 2013. Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan bagi mengenalpasti strategi-strategi yang digunakan oleh Pakatan Rakyat dalam mengekalkan kelestarian bersama antara semua parti dalam gabungan tersebut. Seramai 17 orang informan yang terdiri daripada ahli politik PKR, PAS, DAP dan United Malay National Organisation (UMNO), golongan aktivis politik dan ahli akademik dalam bidang sains politik ditemubual bagi mendapatkan pemahaman mengenai strategi kelestarian kerjama ini. Hasil dapatan temubual menunjukkan bahawa kejayaan Pakatan Rakyat ini adalah disebabkan mereka mempunyai matlamat politik yang sama dan ketokohan kepimpinan. Berkongsi matlamat yang sama membolehkan semua pihak yang berbeza parti politik dan ideologi mampu mengenyahkan perbezaan yang wujud demi mencapai satu matlamat yang dikongsi bersama. Matlamat DAP, PAS dan PKR dalam Pakatan Rakyat dalam menghadapi PRU-12 adalah untuk mewujudkan satu lawan satu dalam pilihan raya tersebut dan seterusnya mereka berkongsi matlamat yang sama untuk menawan Putrajaya dan membentuk kerajaan persekutuan pada PRU-13. Kesimpulannya, matlamat politik yang sama dan ketokohan pemimpin mampu membentuk kelestarian kerjasama dalam Pakatan Rakyat.

Kata kunci: pakatan, rakyat, ideologi, matlamat, pemimpin, politik, kelestarian

Sustainability of Pakatan Rarkyat in Malaysia Politics: 2008 - 2015

Abstract

Pakatan Rakyat, the largest opposition coalition was formed in April 1st, 2008. The difference Political ideologies, especially Islamic Party of Malaysia (PAS) and Democratic Action Party (DAP) were not prevented them from working with their ally, People's Justice Party (PKR) to form one political coalition. By acknowledging their political different, PAS and DAP managed to collaborate and successfully won the 13th General Election (2013). This is the biggest achievement of opposition party history in Malaysia. This qualitative study was conducted to identify the strategies used by Pakatan Rakyat in sustaining the coalition. A total of 17 informants comprising PKR politicians, PAS, DAP and the United Malay National Organization (UMNO), political activists and academics in the political sciences were interviewed to gain an insight understanding of strategies used in sustaining the

coalition. The interviews result showed that the success of Pakatan Rakyat was due to the same political goals and leadership aspirations. By sharing a common goal and ignoring their political different, has help them to achieved their shared goal. The objectives of DAP, PAS and PKR in Pakatan Rakyat in the run-up to the GE-12 were to create a united front in the by-elections and they shared the same goal of conquering Putrajaya and forming federal government in the 13th general election. In conclusion, the political coalition sustainability depends on the same political goals and leadership aspiration in Pakatan Rakyat.

Keywords: alliance, people, ideology, goal, leaders, politic, sustainability

Pengenalan

Kerjasama PKR, PAS dan DAP telah mencipta sejarah dengan menang 82 daripada 222 kerusi parlimen dan menafikan majoriti dua pertiga BN dalam PRU-12 tahun 2008. Bukan itu sahaja, pembangkang juga berjaya menguasai kerajaan negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta menang 10 daripada 11 kerusi parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Teik, 2016). Menurut Samad (2013) kejayaan kerjasama politik PKR, PAS dan DAP ini menghasilkan satu gabungan parti politik pembangkang sebelum era PRU-14 yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat. Buat kali pertama dalam sejarah, satu gabungan parti politik yang berbilang kaum dan agama serta fahaman dapat dihasilkan yang bertindak bukan sekadar untuk menghadapi BN dalam pilihan raya, tetapi lebih jauh dari itu. Gabungan ini juga membuktikan kemampuan mereka memerintah beberapa buah negeri sebagai satu kerajaan gabungan baru dalam arena politik Malaysia. Pada PRU-13 yang disifatkan sebagai ibu kepada 13 siri pilihan raya di Malaysia oleh Besar et al. (2014) menyaksikan Pakatan Rakyat yang terdiri dari gabungan PKR, PAS dan DAP berjaya menguasai 12 daripada 14 kerusi parlimen di kawasan bandar adalah sesuatu yang menakjubkan, secara keseluruhannya Pakatan Rakyat berjaya menambah bilangan kerusi parlimen daripada 82 kepada 89 kerusi dalam PRU-13.

Permasalahan dan Objektif

Sejarah politik Malaysia telah membuktikan PKR, PAS dan DAP pernah duduk bersama dalam sebuah gabungan yang mantap yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat. PAS dan DAP yang jelas berlainan ideologi pernah duduk bersama dalam satu barisan ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri di Selangor dan Pulau Pinang. Chen (2008) mendakwa satu yang mengejutkan apabila DAP sanggup mendirikan kerajaan campuran bersama PAS di Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Dalam tempoh Pakatan Rakyat terbentuk ianya dilihat sebagai sebuah gabungan parti-parti pembangkang yang terkuat pernah wujud dalam perjalanan politik Malaysia sebelum era PRU-14 (Izzuddin, M. 2015). Ketiga-tiga parti ini boleh bekerjasama walaupun pada dasarnya mereka menyedari yang terdapat perbezaan yang ketara antara mereka terutamanya dalam soal ideologi. Dua objektif kajian telah ditimbulkan bagi mencari jawapan kepada permasalahan ini.

- i. Bagaimana perbezaan ideologi yang wujud dalam Pakatan Rakyat dapat diuruskan.
- ii. Mengenalpasti strategi yang digunakan oleh Pakatan Rakyat dalam mengekalkan kelestariannya.

Metod Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan temubual bagi mendapatkan data bagi menjawab persoalan kajian mengenai strategi yang dilakukan dalam menjayakan kelestarian kerjasama Pakatan Rakyat dari PRU-12 hingga PRU-13. Seramai 17 informan telah ditemubual. Pecahan jumlah infoman yang ditemu bual ialah ahli politik seramai 11 orang, aktivis politik seramai 3 orang dan ahli akademik seramai 3 orang. Demi menjaga kerahsiaan infoman, kajian ini memilih

untuk menggantikan nama-nama infoman dengan menggunakan kod khas seperti yang dinyatakan dibawah berdasarkan kepada jenis kumpulan infoman tersebut.

- i. **Ahli Politik = A.P** (Infoman dari Ahli Politik pertama akan menggunakan kod A.P.1 dan yang kedua menggunakan A.P.2 dan seterusnya mengikut susunan nombor)
- ii. **Aktivis = A.T** (Infoman dari aktivis pertama akan menggunakan kod A.T.1 dan yang kedua menggunakan A.T.2 dan seterusnya mengikut susunan nombor)
- iii. **Ahli Akademik = A.A** (Infoman dari Ahli Akademik pertama akan menggunakan kod A.A.1 dan yang kedua menggunakan A.A.2 dan seterusnya mengikut susunan nombor)

Pengurusan Perbezaan Ideologi dalam Pakatan Rakyat

PAS dan DAP yang mempunyai sejarah pernah bercakaran kerana krisis ideologi akhirnya bersetuju dengan cadangan satu lawan satu dalam PRU-12 tahun 2008. Merungkai perkara ini A.P.1 yang merupakan salah seorang pemimpin DAP mengakui bukan mudah untuk mendapatkan persetujuan daripada PAS dalam isu pembahagian kerusi menjelang PRU-12 tahun 2008. Apa yang lebih menarik, tambah A.P.1 lagi rundingan antara DAP dan PAS pada waktu itu tidak berlaku secara terus. Sebaliknya PKR memainkan peranan sebagai orang tengah bagi menjalankan rundingan antara DAP dan PAS. Ali et al. (2016) menyatakan perbezaan ideologi yang ketara antara PAS dan DAP membuatkan dua parti ini tidak boleh berada dalam satu kumpulan gabungan. Namun dalam PRU-12 dan 13 tahun 2008 dan 2013 menunjukkan DAP dan PAS boleh untuk bekerjasama. Ini bertepatan dengan teori “gabungan politik” yang dikemukakan oleh Gelman (2003) yang mengatakan dengan mewujudkan gabungan politik dapat meningkatkan jumlah undi sesuatu parti politik dalam pilihan raya.

Bagi A.P.1, individu yang memainkan peranan penting yang boleh membawa DAP dan PAS untuk duduk bersama hingga tertubuhnya Pakatan Rakyat ialah Anwar Ibrahim. Pendapat A.P.1 ini senada dengan Omar (2015) yang juga mengatakan Anwar Ibrahim adalah individu yang bertanggungjawab mencari formula merapatkan saf dalam Pakatan Rakyat. Tanpa Anwar Ibrahim tidak mungkin PAS dan DAP yang berlainan ideologi dan saling mencurigai dapat duduk bersama. Anwar Ibrahim dikatakan telah menjadi perantara antara DAP dan PAS hingga akhirnya berlaku pertembungan satu lawan satu antara parti pembangkang dan BN yang mana banyak memberi kesan positif kepada parti pembangkang ketika itu. Dalam PRU-12 tahun 2008 pembangkang menang 82 daripada 222 kerusi perliman dan menafikan majoriti dua pertiga BN. Bukan itu sahaja pembangkang juga berjaya menguasai kerajaan negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta memang 10 daripada 11 kerusi parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Teik, 2016).

Walaupun ketiga-tiga parti dalam Pakatan Rakyat itu mempunyai beberapa titik pertemuan yang membolehkan mereka bergerak bersama. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa ideologi mereka tetap berbeza. Hamid (2017) mengatakan DAP walaupun mereka mempunyai ideologi yang tersendiri tetapi DAP tidak bertindak menyembah ideologi mereka. Ideologi hanya dijadikan sebagai panduan untuk parti DAP bergerak. Perkara ini membolehkan DAP mengubah strategi dan taktik mengikut keadaan tanpa terlalu terikat dengan ideologi. Walau bagaimanapun, sewaktu DAP menjalin hubungan dengan PAS pada era Pakatan Rakyat dan BA, DAP tidak bertindak mengenyepikan ideologinya, tetapi kerjasama itu terjalin adalah berdasarkan dasar bersama untuk melawan UMNO dan BN sekaligus dapat membentuk kerajaan baru serta dapat mereformasikan negara.

Dalam membincangkan berkenaan soal perbezaan ideologi ini lagi, seorang ahli akademik A.A.2, mengatakan PAS dapat mengurangkan ideologi tegar Islam mereka selepas kemasukan pemimpin-pemimpin yang berlatarbelakangkan *Islamic Representative Council* (IRC). Kumpulan ini adalah bekas gerakan pelajar dari United Kingdom. Antara pemimpin ini adalah seperti Dr Dzulkefly Ahmad, Saari Sungib dan beberapa lagi bekas pemimpin yang hari ini kebanyakannya menyertai parti AMANAH. Golongan ini kebanyakannya berpendidikan dari Barat. Mereka ini menyertai PAS secara beramai-ramai selepas era pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan tahun 1998. Sewaktu golongan ini menjadi sebahagian daripada kepimpinan PAS mereka banyak membangunkan gaya

pemikiran parti PAS kearah yang lebih moden dan pragmatik. A.A.2 menambah, golongan ini telah telah mengemaskini tarbiah PAS yang sebelum itu dilihat agak tegar dengan ideologi Islamnya. Perubahan ini membuatkan PAS dapat menjalinkan kerjasama dengan parti-parti lain seperti DAP dan PKR sehingga berjaya terbentuknya Pakatan Rakyat.

A.P.7 mengatakan Anwar Ibrahim yang telah bebas dari penjara pada tahun 2004 merupakan aktor penting yang bertindak sebagai “gam” yang membawa parti-parti pembangkang untuk duduk bersama sekali lagi selepas kegagalan BA. Anwar telah bertindak sebagai jururunding dalam hal ini. Pendapat ini juga disokong oleh A.A.1 yang merupakan seorang penganalisis politik. Bagi A.A.1 walaupun Anwar bebas pada tahun 2004 dan masih tidak boleh bertanding dalam pilihan raya tetapi pada waktu itu Anwar telah dianggap sebagai pemimpin kepada ketiga – tiga parti iaitu DAP, PAS dan PKR secara tidak rasmi. Kehadiran Anwar Ibrahim itu boleh diterima oleh ketiga-tiga parti walaupun mereka belum membentuk satu gabungan politik. Ketokohan Anwar Ibrahim dari sudut kepimpinan dalam menerajui Pakatan Rakyat pada waktu itu turut diakui oleh banyak infoman. A.P.7 mengatakan yang Anwar Ibrahim mampu menyelesaikan konflik antara PAS dan DAP melalui Majlis Presiden Pakatan Rakyat. Antara konflik yang berjaya diselesaikan dengan ketokohan kepimpinan Anwar Ibrahim adalah perbezaan ideologi antara PAS dan DAP berkenaan Hudud dan Negara Islam. Perkara ini diakui oleh infoman A.P.2 sendiri.

Menurut A.P.2 lagi, kepimpinan Anwar Ibrahim sentiasa diuji dengan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh parti-parti komponen dalam Pakatan Rakyat. Misalnya sewaktu Selangor dibawah pemerintahan Tan Sri Khalid, terdapat cubaan untuk membuat polisi menamatkan keistimewaan harga pembelian rumah yang bernilai lebih satu juta kepada Bumiputera. Perkara ini dibangkitkan oleh Tan Kok Wai yang merupakan Timbalan Pengerusi DAP pada satu Mesyuarat Presiden Pakatan Rakyat. Anwar Ibrahim dengan tegas memberi amaran kepada Tan Kok Wai agar tidak membangkitkan isu itu. Bagi Anwar jika isu itu dibangkitkan, ianya akan memberi imej anti-Melayu yang lebih buruk kepada DAP itu sendiri dan ianya bukan sesuatu yang sesuai untuk dibincangkan. Hujah tegas Anwar Ibrahim ini diterima oleh DAP dan isu tersebut terus tidak lagi berbangkit dalam Pakatan Rakyat. Dalam menguruskan isu – isu sensitif dalam kalangan rakyat khususnya pada kaca mata orang Melayu seperti institusi kakitangan awam, birokrasi, perkara 153, FELDA, Tabung Haji, MARA dan semua yang berkaitan dengan orang Melayu, Anwar Ibrahim telah menggariskan sempadan antara DAP, PAS dan PKR. Anwar hanya membenarkan pemimpin Melayu daripada PAS dan PKR sahaja untuk bercakap berkenaan isu dalam institusi Melayu ini.

Oleh itu, dapat diperhatikan pemimpin seperti Rafizi Ramli yang menggalas tugas untuk membongkar skandal dan salah urus dalam Tabung Haji, FELDA, MARA dan beberapa institusi yang berkaitan dengan Melayu. Isu-isu lain seperti IMDB digalas oleh pemimpin daripada DAP seperti Tony Pua kerana IMDB bukan institusi eksklusif Melayu. Situasi ini menunjukkan Anwar Ibrahim itu seorang pemimpin yang mampu mengawal setiap parti-parti komponen yang berada dalam Pakatan Rakyat sekaligus berjaya mewujudkan kelestarian Pakatan Rakyat itu sendiri. Bagi A.T.1, untuk memastikan gabungan pembangkang seperti Pakatan Rakyat kekal ianya mesti mempunyai pemimpin yang mampu memegang tangan semua parti komponen dalam gabungan untuk duduk bersama dan berbincang. Satu konsensus perlu ada dalam gabungan dan konsensus itu perlu dihormati. Pendapat ini selari dengan infoman A.T.3 yang mengatakan pemimpin yang dominan adalah lebih penting dari parti yang dominan.

A.T.3 mengakui bahawa Anwar Ibrahim seorang pemimpin yang sentiasa *respond* dan mampu memberi reaksi yang berbeza dalam semua benda. Anwar Ibrahim tahu bagaimana menangani sesuatu dengan cepat. Ini dapat dilihat dalam cara Anwar menguruskan perbezaan pendapat dalam Pakatan Rakyat terutamanya antara DAP dan PAS. Sebelum kedatangan Dr Mahathir kepada blok pembangkang pada sebelum pilihan raya tahun 2018, Anwar Ibrahim dilihat sebagai watak penting yang mampu mengemudi fraksi-fraksi besar dan kecil bagi melawan UMNO dan BN. Pemimpin perlu mempunyai komitmen yang dibentuk dan mempunyai matlamat gabungan yang jelas serta mampu untuk berkongsi matlamat tersebut dengan keseluruhan anggota gabungan adalah antara faktor penting mengukuhkan sesebuah gabungan (Butterfoss & Kegler 2002).

Dalam memperkatakan soal kepimpinan, A.A.3 mengakui kombinasi Nik Abdul Aziz dan Anwar Ibrahim pada waktu itu adalah yang terbaik dalam mengukuhkan Pakatan Rakyat. Persetujuan PAS untuk bersama dalam Pakatan Rakyat adalah usaha daripada Nik Abdul Aziz yang bertindak sebagai *spiritual leader* dan penggeraknya adalah Anwar Ibrahim. Selain daya kepimpinan yang perlu ada pada pemimpin utama dalam Pakatan Rakyat seperti Anwar Ibrahim dan Nik Abdul Aziz, barisan kepimpinan yang hebat juga dilihat ada pada setiap parti komponen Pakatan Rakyat pada waktu itu dan ianya membuatkan Pakatan Rakyat mampu bertahan dengan baik khususnya dalam PRU-13 tahun 2013. Mengikut A.P.7, pada tahun 2008 PAS bersetuju dengan DAP untuk mengadakan satu lawan satu dalam PRU-12 tahun 2008 adalah disebabkan barisan kepimpinan PAS pada waktu itu terdiri dari golongan *moderate* dan progresif. Golongan yang kebanyakannya bukan dari kumpulan ulama ini berfikiran lebih terbuka dalam menilai dan menentukan strategi politik.

Perubahan pendekatan PAS jelas kelihatan apabila buat julung-julung kalinya PAS bersetuju menggugurkan slogan penubuhan Negara Islam, sebaliknya mengutamakan hal-hal yang disepakati bersama secara konsensus seperti demokrasi, keadilan dan pemerintahan yang baik dalam usaha mereka menentang BN (Mutalib & Zakaria 2015). Tambah A.P.1 lagi, kemasukan golongan bukan ulama ke dalam PAS ini bermula pada tahun 1999 bilamana Fadhil Noor yang merupakan Presiden PAS pada waktu itu membawa masuk individu seperti Kamaruddin Jaafar, Nasharuddin Mat Isa, Hatta Ramli, Syed Azman dan ramai lagi ke dalam PAS. Sebahagian daripada mereka ini mungkin telah menjadi ahli PAS tetapi tidak pernah aktif. Fadhil Noor telah membawa mereka untuk masuk bertanding dalam pilihan raya tahun 1999 dan PAS menang 27 kerusi parlimen dan kebanyakan mereka ialah golongan bukan ulama dan kawasan yang banyak dimenangi adalah di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Tambah A.P.5, pada tahun 2006 Lim Guan Eng telah mengambil alih pentadbiran dalam DAP. Dengan kepimpinan baru dibawah Lim Guan Eng corak perjalanan politik DAP juga telah berubah daripada budaya tradisional DAP yang dilihat lebih kecinaan kepada lebih terbuka. Sewaktu Lim Guan Eng memimpin DAP, beliau juga telah membawa masuk pemimpin muda yang progresif seperti Tony Pua, Ong Kian Ming dan beberapa lagi. Perubahan gaya kepimpinan ini membuatkan DAP itu lebih mudah diterima oleh golongan kelas menengah. Barisan kepimpinan yang dalam DAP ini lebih terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan parti komponen lain dalam Pakatan Rakyat khususnya dengan PAS. Maka sebab itulah sekitar tahun 2008 hingga ke pilihan raya tahun 2013 hubungan dalam Pakatan Rakyat itu berlangsung dengan baik.

Tambah A.P.5 lagi, situasi yang sama berlaku pada PAS dengan kemasukan bukan ulama Melayu seperti Dr Dzulkefly Ahmad dan Dr Hatta kesan daripada gelombang reformasi tahun 1998. Mereka ini bukan ahli tradisional PAS tetapi berjaya membuatkan PAS pada waktu itu berubah secara keseluruhan. Golongan bukan ulama ini masuk kedalam PAS bukan hanya semata-mata sebagai ahli tetapi terlibat membarisi kepimpinan PAS pada waktu itu. Apa yang disampaikan oleh A.P.5 ini senada dengan apa yang diperkatakan oleh A.A.2. PAS telah berubah daripada sebuah parti politik sampingan dalam arena politik Malaysia kepada parti politik yang lebih bersifat arus perdana. Dapat diperhatikan disini perubahan dalam PAS dan DAP itu berlaku secara serentak. Situasi ini yang memudahkan PAS dan DAP untuk bekerjasama dalam Pakatan Rakyat khusus dalam pilihan raya tahun 2013.

A.P.4 juga sependapat dengan beberapa infoman lain dengan mengatakan perubahan barisan kepimpinan dalam PAS pada sekitar tahun 2000 hingga 2013 itu telah menyumbang kepada kejayaan Pakatan Rakyat. Sewaktu zaman kegemilangan Pakatan Rakyat, pemimpin seperti Dr Dzulkefly Ahmad dan Khalid Samad berada di dalam PAS. Mereka ini adalah golongan bukan ulama yang tidak terikat dengan budaya tradisional PAS. A.P.4 mengatakan lagi pemimpin-pemimpin bukan ulama dalam PAS pada waktu itu membangkitkan isu yang lebih bersifat menyeluruh dan bukan hanya berlegar tentang isu agama atau Hudud semata-mata. Dr Dzulkefly Ahmad selalu menyentuh polisi atau dasar yang berkaitan dengan ekonomi yang sangat penting kepada kesejahteraan negara. A.P.4 menegaskan faktor kepimpinan sangat penting dalam menyumbang kepada Pakatan Rakyat. A.A.3 turut berpendapat kepimpinan Nik Abdul Aziz di dalam PAS telah memainkan peranan penting terhadap terbentuknya Pakatan Rakyat dan kemampuan Pakatan Rakyat itu untuk bertahan untuk satu

tempoh masa. Ketokohan Nik Abdul Aziz dan rasa hormat yang tinggi oleh semua kepimpinan dan ahli PAS terhadap Nik Abdul Aziz membuatkan tidak ada mana-mana pihak dari dalam PAS waktu itu membantah apa yang diperkatakan oleh Nik Abdul Aziz.

Strategi kelestarian Pakatan Rakyat 2008 – 2015

Tambah A.P.2 lagi, kunci Pakatan Rakyat boleh bertahan dari tahun 2008 hingga tahun 2015 walaupun dalam keadaan mereka penuh dengan perbezaan ialah, semua parti-parti yang ada dalam Pakatan Rakyat tersebut tidak bercakap soal perbezaan sebaliknya mereka mengfokuskan kepada perkara yang membawa persamaan. Dalam menghadapi situasi perlu bekerjasama dalam keadaan berbeza ini ianya memerlukan kebolehan untuk meletakkan keutamaan dalam setiap tindakan. Menurut A.P.2 lagi, sewaktu Pakatan Rakyat dibentuk dan melalui zaman-zaman kegemilangannya, gabungan Pakatan Rakyat ini tidak diikat dengan komitmen sama ada perlu atau tidak mereka melaksanakan Hudud sebagai matlamat nombor satu. Bagi mereka membincangkan soal perbezaan akan membawa kepada perpecahan dan konflik antara parti gabungan. Oleh itu perbezaan antara parti-parti dalam Pakatan Rakyat pada waktu itu adalah diuruskan dengan meletakkan keutamaan pada isu-isu yang boleh dipersetujui secara bersama. Strøm dan McClean (2015) menyatakan sesuatu gabungan politik boleh menjadi satu institusi yang mantap apabila mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dan konflik yang timbul dengan baik. Semua masalah yang timbul perlu diselesaikan secara bersama oleh semua komponen parti gabungan yang terlibat. Perkara ini mampu membuatkan sesebuah gabungan itu untuk bertahan.

Keterbukaan dan kematangan barisan pemimpin dalam Pakatan Rakyat itu dilihat mampu menguruskan konflik dengan cara yang baik. Salah satu perkara yang menyebabkan pengurusan konflik itu berjaya menurut A.T.1 yang merupakan ahli dan aktivis PKR, ialah kerana komunikasi antara parti-parti komponen Pakatan Rakyat itu wujud. Tambah beliau parti-parti komponen Pakatan Rakyat sewaktu zaman kegemilangannya sering mengadakan pertemuan dan mesyuarat bagi menyelesaikan sesuatu perkara yang timbul. Dalam konteks Pakatan Rakyat ini apabila komunikasi sering berjalan antara parti-parti komponen gabungan tersebut dapat bertahan dan meneruskan kelestariannya. Perkara ini juga dipersetujui oleh salah seorang pemimpin PAS iaitu A.P.3, beliau juga mengatakan pada awalnya konflik dalam Pakatan Rakyat itu dapat diuruskan dengan baik apabila setiap masalah atau perkara yang timbul akan dirunding dalam bentuk perbincangan khusus dalam Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Rakyat. Grimsson (1977) menyatakan syarat pertama untuk mewujudkan sesuatu persetujuan dalam sesebuah gabungan adalah perundingan, selepas itu diikuti dengan pengagihan tugas. Ini menunjukkan jika proses perundingan tidak mampu dijalankan bermakna kata putus terhadap sesuatu keputusan yang melibatkan gabungan tersebut tidak boleh diambil. Akibatnya gabungan tersebut akan terbantut dan menjadi tidak aktif. Kesan yang lebih buruk lagi ianya akan membawa kepada pembubaran sesuatu gabungan tersebut.

Indridason (2002) mengatakan kegagalan menguruskan isu dalam parti sering kali membuatkan sesuatu gabungan terpaksa dibubarkan. Kegagalan tersebut akan membawa kepada konflik dalaman seterusnya akan merebak hingga menjejaskan gabungan politik yang dibentuk. Dalam konteks Pakatan Rakyat mereka dilihat berjaya memastikan pengurusan konflik ini dilakukan dengan baik. Selain faktor kemampuan komunikasi dan berhubung dengan baik ialah titik pertemuan yang ada pada setiap parti-parti komponen dalam Pakatan Rakyat itu sendiri. Titik pertemuan menjadi tema seterusnya dalam kejayaan Pakatan Rakyat meneruskan kelestariannya. Bagi A.P.4 yang merupakan salah seorang pemimpin DAP menyatakan sewaktu Pakatan Rakyat itu wujud, ketiga-tiga parti mempunyai satu *common policy frame work* yang mengandungi perkara-perkara yang dipertujui secara bersama oleh semua parti komponen dalam Pakatan Rakyat.

Ini bermaksud ketiga-tiga parti komponen dalam Pakatan Rakyat mempunyai isu-isu yang masing-masing perjuangkan walaupun sebelum mereka menyertai Pakatan Rakyat dan isu-isu ini adalah sama bagi ketiga-tiga parti. Antara isunya adalah seperti penghapusan rasuah, menolak penyalahgunaan kuasa kerajaan, kebebasan badan kehakiman, kebebasan media, hak bersuara dan beberapa perkara lagi. Jadi isu-isu inilah yang menjadi titik pertemuan antara ketiga-tiga parti hingga membolehkan

mereka duduk bersama untuk berbincang dan seterusnya mewujudkan satu gabungan politik iaitu Pakatan Rakyat. Menurut A.P.5 daripada DAP, dengan adanya titik pertemuan ini ianya membolehkan Pakatan Rakyat itu memilih isu apa yang boleh dijadikan sebagai keutamaan dalam Pakatan Rakyat. Jadi arah tuju Pakatan Rakyat itu kelihatan jelas berkenaan apa yang mereka perjuangkan. Pakatan Rakyat mengamalkan konsensus dalam mendapat sesuatu persetujuan walaupun dalam keadaan mereka berlainan ideologi.

Aderibighe (2015) melihat konsensus adalah satu proses untuk menghasilkan satu kesepakatan yang dipersetujui secara bersama antara kelompok atau individu setelah adanya perdebatan dan penelitian yang dilakukan secara kolektif dalam usaha untuk mencapai sesuatu persetujuan. Pakatan Rakyat dilihat telah melepasi perkara ini bila mana banyak perkara mereka berjaya putus secara konsensus seperti isu Hudud dan Negara Islam yang dibangkitkan oleh PAS. Rundingan dan perdebatan yang dilakukan dalam Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Rakyat telah menghasilkan satu keputusan secara konsensus iaitu menumpukan kepada isu bersama yang menjadi titik pertemuan semua parti. Titik persamaan ini telah membawa kepada persetujuan bersama yang diakui oleh kebanyakan infoman. A.P.4 mengatakan memang wujud perkara yang tidak disepakati dalam dalam Pakatan Rakyat tetapi perkara-perkara yang telah dipersetujui secara bersama yang telah mempunyai konsensus ianya patut dipatuhi.

Tumpuan Pakatan Rakyat pada waktu itu adalah memberi perhatian yang khusus kepada *common policy framework* yang mengikat kesemua parti-parti komponen. Bagi A.P.4, beliau juga bersetuju dan berpegang kepada prinsip konsensus dalam Pakatan Rakyat. Keputusan konsensus dibuat berdasarkan permaufakatan dan persetujuan oleh semua parti yang terlibat dalam Pakatan Rakyat. Jika ada satu parti yang tidak bersetuju dengan sesuatu cadangan yang dibangkitkan maka isu itu tidak akan dipersetujui. Matlamat besar PAS adalah undang-undang syariah Negara Islam dan sebagainya tetapi menurut A.P.5 untuk mencapai semua itu ianya perlu fokus kepada perkara-perkara yang menjadi agenda bersama terlebih dahulu. Tambah A.P.5, isu seperti Hudud tidak termasuk dalam konsensus Pakatan Rakyat kerana ianya tidak mendapat persetujuan ketiga-tiga parti komponen. Selepas keputusan dibuat kesemua parti mestilah berpegang kepada keputusan tersebut.

Rumusan

Rumusan terhadap dapatan kajian yang dijalankan ialah kejayaan Pakatan Rakyat untuk berlestarikan dari tahun 2008 hingga ke 2015 adalah disebabkan mereka mempunyai matlamat politik yang sama pada waktu itu dan ketokohan kepimpinan. Berkongsi matlamat yang sama membolehkan semua pihak yang berbeza boleh mengenyahkan perbezaan yang wujud demi mencapai satu matlamat yang dikongsi bersama. Matlamat DAP, PAS dan PKR dalam Pakatan Rakyat dalam menghadapi PRU-12 adalah untuk mewujudkan satu lawan satu dalam pilihan raya tersebut dan seterusnya mereka berkongsi matlamat yang sama untuk menawan Putrajaya dan membentuk kerajaan persekutuan pada PRU-13. Seterusnya ketokohan yang ada pada pemimpin mampu membuatkan gabungan politik Pakatan Rakyat untuk bertahan untuk satu tempoh masa walaupun mereka mempunyai perbezaan khususnya dari sudut ideologi. Dua tokoh yang dilihat menyumbang kepada kelestarian Pakatan Rakyat ini ialah Anwar Ibrahim dan Nik Aziz Nik Mat. Ini boleh dilihat bilamana Pakatan Rakyat itu berpecah apabila dua tokoh ini tidak lagi memimpin Pakatan Rakyat.

Rujukan

- Aderibigbe, M. O. (2015). Consent, consensus and the leviathan: A critical study of Hobbes political theory for the contemporary society. *Open Journal of Philosophy*, 5(6), 384-390.
- Ali, M. A. M., Ismail, M. M., Yusof, A. R. M., Azzis, M. S. A., Tajari, A., & Zainudin, N. (2016). Integrasi parti dan pola pengundian. Kajian di Kuala Lumpur semasa pra-PRU ke 14. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3): 66-77.

- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S., Abdullah, M. A., Ali, M., & Yusof, A. R. M. (2014). PRU 2013 di Malaysia: Suatu analisis ‘tsunami politik bandar’. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 28-38.
- Butterfoss, F., & Kegler, M. (2002). Toward a comprehensive understanding of community coalitions: Moving from practice to theory. In R. DiClemente, R. Crosby, & M. Kegler (Eds.), *Emerging theories in health promotion practice and research*. (pp. 157-193). San Francisco: Jossey Bass.
- Chen, L. B. (2008). Bolehkah Pakatan tubuh kerajaan? Dicapai pada 24 November 2016 daripada <https://www.malaysiakini.com/columns/83896>.
- Gelman, A. (2003). Forming voting blocs and coalitions as a prisoner's dilemma: A possible theoretical explanation for political instability. *Journals in Economic Analysis & Policy*, 2(1).
- Grímsson, Ó. R. (1977). *The Icelandic multilevel coalition system*. Reykjavík: Félagsvísinn-dædeild Háskóla Íslands.
- Hamid, W. H. (2017). Pentingkah ideologi? Dicapai pada 23 Julai 2018, daripada <https://www.roketkini.com/2017/03/21/pentingkah-ideologi/>
- Indridason, I. H. (2002). A theory of coalitions and clientelism: *Coalition politics in Iceland, 1945-2000*. *European Journal of Political Research*, 44(3), 439-464.
- Mutalib, M. F. M. A., & Zakaria, W. F. A. W. (2015). Pasca Islamisme dalam PAS: analisis terhadap kesan Tahalluf Siyasi. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 8, 52-60.
- Omar, M. S. (2015). Kalau Anwar ke penjara, Pas akan bergaduh besar? Dicapai pada 20 November 2016, daripada <http://msomelayu.blogspot.my/2015/02/kalau-anwar-ke-penjara-pas-akan.html>.
- Samad, K. (2013). Waspada usaha pecahkan PR. Dicapai pada 24 November 2016, daripada <http://www.khalidsamad.com/2013/06/waspada-usaha-pecahkan-pr.html>.
- Strøm, K. W., & McClean, C. (2015). Minority Governments and Coalition Management. *Conference on Institutional Determinants of Legislative Coalition Management*, November 16-19.
- Teik, K. B. (2016). Networks in pursuit of a “two-coalition system” in Malaysia: Pakatan Rakyat’s mobilization of dissent between reformasi and the tsunami. *Politic Network in Malaysia*, 5(1), 73-91.